

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, VOL 5, Bil 1, Halaman 13-26

Metode Mā Fihī Qirā'atan Menurut Al-Ḍabbāc̣ Dalam Samīr Al-Ṭālibīn

The Method Of Mā Fihī Qirā'atān According To Al-Ḍabbāc̣ In Samīr Al-Ṭālibīn

Muhammad Fairuz A. Adi¹, Abur Hamdi Usman² & Mohd Faizulamri Mohd Saad³

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: fairuz@kuis.edu.my

² Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) E-mail: aburhamdi@kuis.edu.my

³ Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajin Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). E-mail: faizam7879@yahoo.com

Penulis Penghubung: Muhammad Fairuz A. Adi, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Email: fairuz@kuis.edu.my, No. Tel: (+60) 3 8911 7000, ext: 4313. ORCID ID: 0000-0003-1371-4291

ABSTRACT

Knowledge of the method of writing the al-Quran known as al-Rasm al-Uthmāni is an important element in the study of al-Quran. One of the methods of Al-Rasm Al-Uthmāni is Mā Fihī Qirā'atān which is that certain words of the Al-Quran are not synchronized in his writings in all Mashaf al-Uthmāni due to the factor of addition and deletion of letters. The objective of this study is to analysis the method of Mā Fihī Qirā'atān according to the imam al-Ḍabbāc̣ in his manuscript known as Samīr al-Ṭālibīn. This study is based on a qualitative study that focuses on the words mā fihī qirā'atān recorded in the by imam al-Ḍabbāc̣ in Samīr al-Ṭālibīn as the subject of study. Mā fihī qirā'atān which is the focus of this study is in the category of Mā Warada c̣Ala Wajh al-Ta'yīn. This study found that there were 48 words in this category. The distribution of 48 words is found in 27 surahs of the al-Quran, equivalent to 0.062% of the total number of words of the Quran which is 7727 words. The study also found that imam al-Ḍabbāc̣ has listed two rasm of qiraat shādhah and two rasm that have been harmonized in all Maṣāhif Uthmāniyyah. Continuing from these findings, further studies are needed to study the meaning resulting from the differences in the writing of this method which in turn helps in understanding and disseminating the meaning of the verses of the al-Quran.

Keywords: *Rasm; Mā Fihī Qirā'atān; Al-Ḍabbāc̣; Samīr al-Ṭālibīn*



ABSTRAK

Pengetahuan mengenai metode penulisan al-Quran yang dikenali sebagai al-Rasm al-Uthmāni merupakan elemen penting dalam pengajian ulum al-Quran. Salah satu metode al-Rasm al-Uthmāni ialah *Mā fīhi Qirā'atān* iaitu kalimah-kalimah al-Quran yang tertentu tidak diselaraskan tulisannya dalam semua Mashaf al-Uthmāni kerana faktor penambahan dan pengurangan huruf. Objektif kajian ini adalah mengenal metode *Mā fīhi Qirā'atān* menurut imam al-Ḍabbā^c dalam karyanya *Samīr al-Ṭālibīn*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang memfokuskan kalimah *Mā Fīhi Qirā'atān* yang direkodkan dalam kitab al-Ḍabbā^c dalam *Samīr al-Ṭālibīn* sebagai subjek kajian. *Mā fīhi qirā'atān* yang menjadi fokus kajian ini adalah dalam kategori *Mā Warada^c Ala Wajh al-Ta^cyīn*. Hasil kajian ini mendapati terdapat 48 kalimah dalam kategori yang dibahaskan. Taburan 48 kalimah ini terdapat dalam 27 surah al-Quran bersamaan 0.062% dari jumlah keseluruhan kalimah al-Quran iaitu 7727 kalimah. Kajian juga mendapati imam al-Ḍabbā^c telah menyenaraikan dua rasm qiraat *shādhah* dan dua rasm yang telah diselaraskan dalam kesemua *Maṣāhif Uthmāniyyah*. Kesinambungan dari dapatan ini, kajian lanjut diperlukan untuk mengkaji makna yang terhasil dari perbezaan terhadap penulisan metode ini seterusnya membantu dalam memahami dan mentadabbur makna ayat-ayat al-Quran.

Keywords

Rasm; *Mā Fīhi Qirā'atān*; Al-Ḍabbā^c; *Samīr al-Ṭālibīn*

1.0 PENDAHULUAN

Salah satu metode penjagaan al-Quran adalah dengan penulisan. Setiap lafaz al-Quran direkodkan dalam bentuk tulisan dan ianya bermula zaman Rasulullah SAW. Baginda SAW sendiri telah melantik penulis-penulis wahyu untuk menulis ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepadanya. Sunnah ini diteruskan oleh para sahabat RA sehingga menulis ayat-ayat yang telah dihafaz untuk rujukan mereka. Zaman pemerintahan Saidina Uthman, penulisan al-Quran telah mengalami satu bentuk penstrukturan semula sebagai satu respon kepada bibit-bibit perpecahan umat Islam ketika itu. Langkah penyalinan al-Quran pada zaman saidina Uthman RA bertujuan untuk menyatukan umat Islam dengan satu sistem penulisan mashaf yang dikenali sebagai al-Rasm al-Uthmāni.

Ketika pemerintahan saidina Uthman RA, al-Quran telah ditulis semula ke dalam enam buah mashaf, dan telah dihantar ke Madinah, Mekah, Sham, Kufah, Basrah dan satu salinan disimpan oleh Khalifah dikenali sebagai *al-Imām*. Sebahagian ayat telah ditulis dengan *Rasm al-Qiyāsi* dan sebahagian lainnya telah ditulis dengan metode yang dinamakan oleh para ilmuwan Islam sebagai al-Rasm al-Uthmāni. Terdapat enam metode penulisan yang telah disimpulkan oleh para ulama terhadap al-Rasm al-Uthmāni ini. Artikel ini membincangkan metode ke enam yang dinamakan *mā fīhi qirā'atān* iaitu lafaz-lafaz yang mengandungi *wujūh al-qirā'at* yang telah ditulis ke dalam enam *al-maṣāhif al-uthmāniyyah* dengan rasm yang berbeza.

Artikel ini menumpukan kepada senarai *Mā Fīhi Qirā'atān* dalam kategori *Mā Warada bi Rasmayn^c Ala Wajh al-Ta^cyīn* yang disusun oleh al-Ḍabbā^c dalam karya beliau *Samīr al-Ṭālibīn*. Metode penyusunan *mā fīhi qiraatan* dalam karya al-Ḍabbā^c ialah dengan menyenaraikan kalimah-kalimah *Mā Fīhi Qirā'atān* dengan maklumat yang ringkas. Beliau hanya menyatakan surah dan cara kalimah ditulis, menisbakkannya kepada *Maṣāhif Uthmāniyyah* dan menyatakan qiraat yang dibaca menurut *rasm* tertentu. Terdapat beberapa kalimah yang menimbulkan isu seperti kalimah yang membawa hanya qiraat syaz dan terdapat juga beberapa kalimah yang bukan dalam *Mā Warada bi Rasmayn^c Ala Wajh al-Ta^cyīn*. Isu-isu ini akan dibincangkan dalam topik khusus dalam artikel ini.

2.0 AL-RASM AL-UTHMĀNI DAN MĀ FIHI QIRĀ'ATĀN

Istilah *al-Rasm* pada kurun awal tidak digunakan oleh para ulama yang membicarakan ilmu penulisan al-Quran sebagai satu istilah yang merujuk kepada ejaan kepada lafaz atau sebutan tertentu. Sebaliknya, *al-Kitāb* merupakan istilah yang paling banyak digunakan dalam karya mereka. Kemudian, muncul istilah *al-Hijā'* dan *al-Khat*. Bahkan istilah *al-Hijā'* dijadikan tajuk karya para ulama *rasm* seperti kitab *Hijā' al-Maṣāhif* karangan Yahya bin al-Harith al-



Dhamari (w 145). Begitu juga Muhammad bin Isa bin Razin al-Asbahāni (w 242) dan Abu Hatim al-Sajistāni (w 255) menggunakan tajuk yang sama untuk karya ilmu *rasm* mereka iaitu *Hijā' al-Maṣāḥif* (Al-Hayani, 2015:83). Menurut al-Ṣaʿidi (2015) pula, istilah *al-khat* merupakan istilah yang dicipta seterusnya dipopularkan oleh ulama Kufah dan Basrah sehingga tersebar luas ke tempat-tempat lain.

Istilah *al-Rasm* muncul agak lewat. Penggunaan istilah ini dikesan pada awal kurun ke 4 hijrah. Antara yang terawal menggunakan istilah ini dalam karya mereka adalah Ibn al-Anbāri (w 327) dalam karya beliau dengan nama *Marsūm al-Khat*. Ghanīm al-Qadūri (1982; 175) mendapati Ibn Malik (w 673) menyebutnya sebagai *al-Rasm al-Salafi* begitu juga Ibn Khaldun (w 808) menyebut sebagai *Fan al-Rasm*.

Dari segi istilah, Abd Karim (2006:6) memberi takrifan *al-Rasm al-Uthmāni* sebagai satu ilmu merujuk kepada tulisan yang ditulis oleh para sahabat RA dalam *al-Maṣāḥif al-Uthmāniyyah* dimana tulisan tersebut kebanyakannya selaras dengan *rasm al-qiyāsi*¹ kecuali beberapa sebutan yang ditulis menurut bentuk yang tersendiri.

Pelbagai istilah yang digunakan untuk menggambarkan disiplin ilmu ini antaranya, *Rasm al-Mushaf*, *Rasm al-Uthmāni*, *Marsūm al-Khat* dan sebagainya dimana kesemua istilah tersebut membawa kepada perbincangan mengenai perkara yang berkaitan pengumpulan al-Quran dan metode penulisannya pada zaman Rasulullah SAW hingga ke metode penulisan al-Quran pada zaman saidina Uthman RA.

Al-Maṣāḥif al-Uthmāniyyah atau mashaf *al-Uthmāni* adalah merujuk kepada dua perkara iaitu yang pertama enam mashaf yang asal ketika penyalinan semula al-Quran ketika pemerintahan saidina Uthman RA ia juga disebut sebagai *al-maṣāḥif al-ummahāt* (al-Saʿidi, 2015:774). Kedua, mashaf-mashaf yang disalin oleh umat Islam dari *maṣāḥif al-ummahāt* dan mashaf-mashaf yang ditulis atau dicetak mengikut kaedah-kaedah *al-Rasm al-Uthmāni*. Istilah *al-Maṣāḥif al-Uthmāniyyah* pula bukanlah bermaksud saidina Uthman RA mencipta mashaf ini atau penulisan di dalam *maṣāḥif* ini menyalahi atau berlainan dengan apa yang diajar oleh Nabi SAW, tetapi penisbahan kepada nama saidina Uthman RA atas dasar beliau yang menyebarkannya secara rasmi, mempopularkannya dan membuat ketetapan kepada umat Islam ketika itu supaya berpegang kepada *maṣāḥif* yang telah disalin dan diselaraskan ketika pemerintahan beliau. (Abd Karim, 2006, 9, Yasir al-Sayyid, 2016, 57)

3.0 MĀ FIHI QIRĀ'ATĀN DALAM SAMĪR AL-ṬĀLIBĪN KARYA AL-ḌABBĀ^c

Ali Muhammad al-Dabbā^c (w 1381H) merupakan ulama tersohor dari negara Mesir yang menjadi rujukan dalam ilmu qiraat, tajwid dan *al-Rasm al-Uthmāni*. Beliau telah menyusun satu kitab dinamakan *Samīr al-Ṭālibīn fi Rasm wa Dabt al-Kitāb al-Mubīn*. Kitab ini membicarakan kaedah penulisan *al-Rasm al-Uthmāni* dengan membahagikan kaedah-kaedah rasm kepada enam bab utama iaitu *al-Hadhif*, *al-Ziyadah*, *al-Hamz*, *al-Badal*, *al-Qat'u wa al-Wasl* dan bab *ma fihi qira'atān* Setiap bab akan dibahagikan kepada topik-topik tertentu. Selain ilmu *al-Rasm*, kitab ini juga membahas tentang perletakan titik dan baris huruf-huruf di dalam al-Quran.

Kitab ini jika dibandingkan dengan karya al-Dani (444 H) dan Abu Daud (496 H) serta lain-lain dalam penulisan *rasm*, karya al-Ḍabbā^c jauh lebih ringkas dari kitab-kitab tersebut. Tujuan al-Ḍabbā^c menghasilkan kitab ini bertujuan menunaikan hajat rakan-rakannya supaya menghasilkan satu kitab yang menghimpunkan ilmu *al-Rasm* dan *al-Dabt* untuk dijadikan rujukan pada zaman tersebut. Maka terhasil satu penulisan yang merumuskan kaedah-kaedah *al-Rasm al-Uthmāni* berdasarkan kitab al-Muqni^c, *al-Tanzil*, *ʿAqilah Atrab al-Qasaid fi Asna al-Maqasid* karangan al-Shatibi(w590), *Mawrid al-Zam'an* susun imam al-Kharraz (w718)) dan kitab syarah kepada *Mawrid al-Zam'an* berjudul *al-Plan bi Takmil Mawrid al-Zam'an* karya Ibn ʿAsyir (w1040). Di bahagian kedua kitab ini pula membicarakan tentang ilmu Dabt al-Quran iaitu perletakan titik pada huruf-huruf hijaiyah di dalam al-Quran.

¹ *Rasm al-qiyāsi* ialah penulisan sesuatu lafaz berdasarkan sebutan. (al-Mas'ul, 2007)



Kaedah *Ma Fīhi Qira'atān* dalam penulisan beliau dibahagikan kepada tiga kategori:

i) رسم على إحداهما اقتصارا

Maksud istilah ini ialah, apabila terdapat dua atau lebih bacaan qiraat pada sesuatu kalimah, maka ianya ditulis dengan salah satu qiraat yang lebih masyhur. Contohnya, pada kalimah (صراط)², (بصطة)³ dan seumpunya ditulis dengan huruf *ṣād* walaupun terdapat terdapat bacaan qiraat lain dengan huruf *sīn* dan bunyi *ishmām*⁴. Oleh kerana bacaan dengan huruf *ṣād* lebih masyhur, maka kalimah ini ditulis dalam semua *Maṣāḥif al-Uthmāni* dengan huruf *ṣād* (°Abd. Karim,2006.65)

ii) رسم واحد صالح لهما

Istilah di atas bermaksud, satu *rasm* yang boleh dibaca dengan dua wajah qiraat. *rasm* dalam kategori ini kewujudannya banyak di dalam al-Quran. Antara contoh ialah kalimah (ملك)⁵ ditulis tanpa huruf *alif* yang menunjukkan qiraat *hadhf* huruf *alif* dan *rasm* ini juga membawa qiraat *mutawātirah* yang kedua iaitu qiraat dengan huruf *alif*. Contoh lain adalah pada *rasm* (لمستم)⁶ di mana *rasm* ini menunjukkan qiraat tanpa huruf *alif* dan ia juga menunjukkan qiraat yang kedua iaitu dengan huruf *alif*. Oleh yang demikian kesemua *Maṣāḥif Uthmāniyyah* tidak ditulis huruf *alif* pada “لمستم” (°Abd. Karim,2006.66)

iii) ورد برسمين على حسب كل منهما

Istilah di atas bermaksud, setiap qiraat pada kalimah tertentu ditulis dengan *rasm* yang berbeza *Maṣāḥif Uthmāniyyah*. Kategori ke- iii ini, al-Ḍabbā° membahagikan kepada dua bahagian iaitu:

a) ما ورد برسمين على وجه التعيين

b) ما ورد برسمين على وجه الإبهام

Kategori (a) di atas bermaksud, kalimah-kalimah yang ditulis dalam *rasm* berbeza dalam *Maṣāḥif Uthmāniyyah* tertentu dan perbezaan *rasm* tersebut dapat dikenal pasti kedudukannya. Contohnya kalimah “وسارعوا” pada ayat 133

² Imam Qunbul dengan bunyi huruf *sīn*, imam Hamzah dengan bunyi *isymam* dan baki imam yang lain dengan bunyi huruf *ṣād*

³ Imam Nafi°, Bazzi, Ibn Zakwan, Syu°bah, Kisaie, Abu Ja°far dan Rawh dengan bunyi huruf *ṣād* dan baki imam qiraat yang lain dengan bunyi huruf *sīn*

⁴ Bacaan *ishmām* pada kalimah ini adalah seperti bunyi huruf *zai*.

⁵ Imam °Asim dan Kisaie membaca dengan dengan selepas huruf *mim*. Selain mereka dengan *hadhf* huruf *alif* selepas huruf *mim*.

⁶ Imam Hamzah, Kisaie dan Khalaf membaca tanpa huruf *alif* dan selain mereka membaca dengan huruf *alif*.



surah Ali Imran telah dikenal pasti rasmnya di dalam *maṣāḥif* Makkah, Kūfah dan Baṣrah. Sementara kalimah “سارعا” dikenal pasti rasmnya dalam *maṣāḥif* Madinah dan Shām (al-Ḍabbā^c, 2000. 101).

Kategori (b) pula bermaksud, kalimah-kalimah yang ditulis dalam rasm berbeza dalam *maṣāḥif uthmāniyyah* tertentu namun perbezaan *rasm* tersebut tidak dapat dipastikan secara tepat dalam *Maṣāḥif Uthmāniyyah* tertentu. Contohnya kalimah “وكتبه” ayat 284 surah al-Baqarah ditulis dengan dua rasm, sama ada dengan huruf alif “وكتابه” atau tanpa huruf alif “وكتبه” tetapi kedua-dua rasm ini tidak dapat dipastikan kedudukannya secara *ta’yīn* (tepat) dalam mana-mana *maṣāḥif uthmāniyyah* (al-Ḍabbā^c, 2000. 106).

4.0 SENARAI LENGKAP RASM MĀ FĪHI QIRĀ’ATĀN KATEGORI MĀ WARADA BI RASMAYN ʿALĀ WAJH AL-TAʿYĪN

Dalam topik ini, penulis menyenaraikan kalimah-kalimah *Mā Fīhi Qirā’atān* berdasarkan senarai al-Ḍabbā^c. Bagi ketageori *Mā Warada Birasmayn ʿAlā Wajh Ta’yīn* terdapat sejumlah 48 kalimah yang didapati dalam 27 surah bersamaan dengan 0.062% dari jumlah keseluruhan kalimah yang terdapat di dalam al-Quran. Peratusan ini dikira berdasarkan tiga pendapat mengenai jumlah keseluruhan kalimah yang disebut oleh al-Suyuti (w 911) dalam karya beliau *al-Itqān fi ʿulūm al-Qurʾān* iaitu 77934 atau 77437 atau 77277 kalimah (al-Suyuti, 1974, 1:242).

Setiap kalimah disertakan kedudukannya dalam *maṣāḥif* tertentu dalam kalangan *Maṣāḥif Uthmāniyyah* dan diletakkan nombor ayat serta nama surah. Kalimah-kalimah yang dimaksudkan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Senarai Kalimah *Mā Fīhi Qirā’atān*

Bil.	Senarai kalimah <i>mā fīhi qira’atān</i>	Bentuk Rasm dan kedudukan dalam <i>Masahif Uthmaniyyah</i>	Kedudukan kalimah dalam al-Quran
1	مصر	مصر	Makki, Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam
		مصر	Mashaf Saidina Ubay dan Ibn Masʿud
2	وقالوا اتخذ الله ولدا	قالوا اتخذ الله ولدا	Mashaf Syami
		وقالوا اتخذ الله ولدا	Makiyy, Madani, Kufi, Basrah dan Mushaf al-Imam
3	وأوصى	وأوصى	Madani, Syami, al-Imam
		ووصى	Makki, Kufi, Basri
4	وسارعا	وسارعا	Makki, Kufi, Basri
		سارعا	Madani, Shami, al-Imam
5	وبالزبر	وبالزبر	Shami
		والزبر	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam.
6	والكتاب	وبالكتاب	Shami

		والكتاب	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
7	إلا قليل	إلا قليلا	Syami	Al-Nisa': 66
		إلا قليل	Makki, Madani, Kufi, Basri, al-Imam.	
8	يرتد	يرتد	Madani, Syami, al-Imam	Al-Ma'idah: 54
		يرتد	Makki, Kufi, Basri	
9	ويقول الذين	ويقول الذين	Kufi dan Basri	Al-Ma'idah: 53
		يقول الذين	Makki, Madani, Shami dan al-Imam	
10	وللدار الآخرة	ولدار الآخرة	Shami	Al-An'am: 32
		وللدار الآخرة	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
11	لئن أنجيتنا	لئن أنجنا	Kufi	Al-An'am: 63
		لئن أنجيتنا	Makki, Madani, Basri, Shami dan al-Imam.	
12	شركاؤكم	شركائكم	Syami	Al-An'am 137
		شركاؤكم	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
13	ما يتذكرون	ما يتذكرون	Shami	Al-A'raf: 3
		ما تذكرون	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
14	وما كنا	ما كنا	Shami	Al-A'raf:43
		وما كنا	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
15	وقال الملائ	وقال الملائ	Shami	Al-A'raf:75
		قال الملائ	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
16	وإذ أنجينكم	وإذ أنجكم	Shami	Al-A'raf:141
		وإذ أنجينكم	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
17	تجري تحتها	تجري تحتها	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Al-Tawbah: 100
		تجري من تحتها	Makki	
18	والذين اتخذوا	الذين اتخذوا	Madani dan Shami	Al-Tawbah: 107

		والذين اتخذوا	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	
19	يسيركم	ينشركم	Shami	Yunus: 22
		يسيركم	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
20	قل سبحان	قال سبحان	Makki dan Shami	Al-Isra': 93
		قل سبحان	Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
21	خير منها	خير منها	Kufi dan Basri	Al-Kahf: 36
		خير منهما	Makki, Madani, Shami dan al-Imam	
22	مكني	مكنني	Makki	Al-Kahf: 95
		مكني	Madani, Kufi, Basri, Shami dan al-Imam	
23	قال ربي يعلم	قل ربي يعلم	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	Al-Anbiya': 4
		قال ربي يعلم	Kufi	
24	أولم يرى الذين	ألم يرى الذين	Makki	Al- Anbiya':30
		أولم يرى الذين	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	
25	سيقولون لله	سيقولون الله	Basri dan al-Imam	Al-Mu'minun: 87 & 89
		سيقولون لله	Makki, Madani, Shami dan Kufi	
26	قال كم	قل كم	Kufi dan Makki (menurut al-Muqni ^c)	Al- Mu'minun :112
		قال كم	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	
27	قَالَ إِنَّ	قَالَ إِنَّ	Kufi	Al- Mu'minun: 114
		قَالَ إِنَّ	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	
28	نزل الملائكة	نزل الملائكة	Makki	Al-Furqan: 25
		نزل الملائكة	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	
29	وتوكل	فتوكل	Madani dan Shami	Al-Shu'ara: 217
		وتوكل	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	
30	أو ليأتيني	أو ليأتيني	Makki	Al-Naml: 21

		أو ليأتيني	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	
31	وقال موسى	قال موسى	Makki	Al-Qasas: 37
		وقال موسى	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	
32	وما عملته	وما عملت	Kufi	Yasin: 35
		وما عملته	Makki, Madani, Shami, Basri, al-Imam	
33	تأمروني	تأمروني	Shami	Al-Zumar: 64
		تأمروني	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
34	أشد منهم	أشد منكم	shami	Ghafir: 21
		أشد منهم	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
35	أو أن يظهر	أو أن يظهر	Kufi	Ghafir: 26
		وأن يظهر	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	
36	فبما كسبت	بما كسبت	Madani dan Shami	Al-Shura: 30
		فبما كسبت	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	
37	ما تشتهييه	ما تشتهييه	Madani dan Shami	Al-Zhukruf: 71
		ما تشتهيي	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	
38	إحسانا	إحسانا	Kufi	Al-Ahqaf: 15
		حسنا	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	
39	ذو العصف	ذا العصف	Shami	Al-Rahman: 12
		ذو العصف	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
40	ذي الجلال	ذي الجلال	Shami	Al-Rahman: 78
		ذو الجلال	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	
41	وكلا وعد الله	وكل وعد الله	shami	Al -Hadid: 10
		وكلا وعد الله	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	

42	فإن الله هو الغني	فإن الله الغني	Madani dan Shami	Al -Hadid: 24
		فإن الله هو الغني	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	
43	وأكن	وأكون/وأكن	Al-Imam (khilaf antara Abu Ubayd dan Hilwani) ⁷	Al-Munafiqun: 10
		وأكن	Makki, Madani, Shami, Kufi, Basri.	
44	المنشأة	المنشعت ⁸	Sebahagian Iiraqiah (Kufi dan Basri)	Al-Rahman: 24
		المنشئات	Makki, Madani, Shami dan al-Imam	
45	بضنين	بضنين	Makki, Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Al-Takwīr: 24
		بظنين	Mashaf Ubay dan Ibn Mas'ud	
46	فلا يخاف	فلا يخاف	Madani dan Shami	Al-Shams: 15
		ولا يخاف	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	
47	والجار ذي القربى	والجار ذا القربى	Sebahagian Iiraqiah (Kufi dan Basri)	Al-Nisā': 36
		والجار ذي القربى	Makki, Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	

Taburan *Mā Fihī Qirā'atan* berdasarkan kedudukan setiap kalimah di dalam surah-surah al-Quran pula seperti jadual di bawah:

Jadual 2

Bil.	Nama Surah	Bilangan Kalimah
1	Al-Baqarah	3
2	Ali Imran	3
3	Al-Nisa'	2
4	Al-Maidah	2
5	Al-An'am	3
6	Al-A'raf	4
7	Al-Taubah	2
8	Yunus	1
9	Al-Isra'	1
10	Al-Kahfi	2
11	Al-Anbiya'	2
12	Al-Mu'minun	4
13	Al-Furqan	1
14	Al-Syu'ara'	1

⁸ Ditulis tanpa *ṣūrah alif* (rumah bagi huruf *hamzah* berbentuk huruf *alif*) (Tala'at, 2006: 378)



15	Al-Naml	1
16	Al-Qasas	1
17	Yasin	1
18	Al-Zumar	1
19	Ghafir	2
20	Al-Syura	1
21	Al-Zukhruf	1
22	Al-Ahqaf	1
23	Al-Rahman	3
24	Al-Hadid	2
25	Al-Munafiqun	1
26	Al-Takwir	1
27	Al-Syams	1
	Jumlah	48

5.0 ISU-ISU MA FIHI QIRĀ'ATĀN SENARAI AL-ḌABBĀ^c

Isu pertama yang timbul daripada senarai al-Ḍabbā^c ialah *rasm* yang membawa kepada bacaan qiraat *shāhdhdhah*. Terdapat dua kalimah dari senarai al-Ḍabbā^c terkeluar dari *rasm Maṣāḥif Uthmaniyyah* seterusnya membawa kepada qiraat *shāhdhdhah*. kalimah yang dimaksudkan ialah “مصر” dan “ذا القري”. Al-Ḍabbā^c menyatakan kalimah “مصر” tanpa huruf *alif* ditulis dalam mashaf Ibn Mas‘ūd sementara “ذا القري” ditulis dengan huruf *alif* dalam sebahagian *maṣāḥif* ‘Iraqiyyah (al-Ḍabbā^c, 2000.106). Semakan dalam al-Nashr karya Ibn al-Jazari juga tidak mendapati *qurrā’ ‘asharah* meriwayatkan qiraat “مصر” tanpa huruf *alif* dan qiraat “ذا القري” dengan huruf *alif*. Oleh itu *rasm* “مصر” dan “ذا القري” adalah qiraat *shāhdhdhah*. Tambahan pula, al-Dāni dalam al-Muqni^c dan Abu Bakr al-Sajistāni dalam kitab *al-Maṣāḥif* menyatakan tiada *maṣāḥif uthmāniyyah* yang menulis dengan huruf *alif* “ذا القري” dan tiada *qurrā’ mutawātirah* yang membaca sedemikian (Ṭala‘at, 2006.499). Penyenaraian dua kalimah ini menyalahi metode al-Ḍabbā^c sendiri yang menyatakan pada awal-awal perbahasan beliau bahawa senarai *mā fihi qirā’atān* beliau adalah kalimah-kalimah yang tidak membawa qiraat *shāhdhdhah* (al-Ḍabbā^c, 2000.95).

Isu seterusnya kalimah “بضنين”, kalimah ini menurut al-Dāni dan Ibn al-Jazari ditulis dengan huruf *ḍād* dalam kesemua *maṣāḥif uthmāniyyah* (al-Dāni, 2010.96, Ibn al-Jazari, t.t.12). Al-Ḍabbā^c dalam senarainya meletakkan kalimah ini dalam kategori *mā rusima ‘ala wajh al-ta‘yīn*. Tidak dapat dipastikan kenapa al-Ḍabbā^c memasukkan kalimah “بضنين” dalam senarai ini sedangkan ia sepatutnya termasuk dalam *mā fihi qirā’atān* di bawah kategori *mā rusima ‘alā ihḍāhuma iqtisāran*. Ibn al-Jazari dalam al-Nashr menyimpulkan qiraat “بضنين” merupakan qiraat yang menyalahi *rasm uthmāni* kerana kalimah ini tidak dapat mewakili bacaan “بضنين”. Namum ia termasuk dalam kategori yang dimaafkan kerana beliau memutuskan qiraat “بضنين” *thābit* dari sudut talaqi tambahan ianya masyhur (Ibn al-Jazari, t.t.1: 12).



Isu terakhir ialah, *rasm* “وأكون” di mana rasm ini pada asalnya tidak dapat dipastikan samada ditulis dengan huruf *wāw* kedua atau tanpanya. Ketidakpastian ini timbul kerana terdapat dua riwayat yang bercanggah mengenai kewujudan huruf *wāw* kedua dalam kalimah “وأكون”. Menurut al-Ḍabbāʿ, riwayat Abu ʿUbayd (w 774) menyatakan *rasm* dalam *maṣḥaf al-Imām* tanpa huruf *wāw*. Sementara riwayat Ḥulwānī (w 220) menyatakan *maṣḥaf al-Imām* mempunyai huruf *wāw* (al-Ḍabbāʿ, 2000.105). Ṭalaʿat (2006.496) pula menukilkan riwayat dari al-Juhani (t.th) yang menyatakan *maṣāḥif* ahli Baṣrah ditulis dengan “وأكون” dengan huruf *wāw*. Ibn al-Jazari (w 833) pula memasukkan qiraat ini dalam kategori yang sama dengan “بضنين” iaitu qiraat yang menyalahi *rasm* *maṣḥaf* tetapi *thabit* dari sudut riwayat tambahan pula para *qurrāʾ* mengambil jalan ini dengan talaqi (Ibn al-Jazari, t.t.1: 12). Penulis berpendapat qiraat “وأكون” secara teorinya diletakkan dalam *Mā Wara Birasmayn ʿala Wajh Al-Ibhām*.

6.0 KESIMPULAN

Senarai *Mā Fīhi Qirāʾatān* oleh al-Ḍabbāʿ dalam kitabnya memberi manfaat yang besar kepada penuntut ilmu al-Quran khususnya dalam bidang ilmu Rasm al-Qurʾan dan ilmu Qiraat. Beliau telah memudahkan para penuntut dengan menyenarai pendek qiraat yang berbeza rasm dalam *maṣāḥif uthmāniyyah*. Walaupun begitu terdapat sedikit kekeliruan dalam penyenaian beberapa kalimah dalam kategori *Mā Warada bi Rasmayn ʿala Wajh Taʿyīn*. Isu ini berkemungkinan imam al-Ḍabbāʿ terlepas pandang ataupun beliau mempunyai alasan tersendiri dalam penyenaian kalimah-kelimah tersebut.

Berdasarkan senarai al-Ḍabbāʿ bagi *Mā Warada bi Rasmayn ʿala Wajh Taʿyīn*. Isu ini berkemungkinan imam al-Ḍabbāʿ terlepas pandang ataupun beliau mempunyai alasan tersendiri dalam penyenaian, terdapat 13 kategori yang mewakili kalimah tertentu berdasarkan perbezaan *rasm* di antara *maṣāḥif uthmāniyyah*. Kategori yang dimaksudkan sepertimana jadual di bawah:

<i>bil</i>	<i>kategori</i>	<i>kalimah</i>	<i>Jumlah</i>
1	Perbezaan huruf <i>waw</i> dan <i>fāʾ</i> <i>al-ʿatf</i>	ولا يخاف/فلا يخاف وقال موسى/قال موسى وتوكل/فتوكل أولم يرى الذين/ألم يرى الذين والذين اتخذوا/الذين اتخذوا قال الملائة/وقال الملائة يقول الذين/ويقول الذين سارعوا/وسارعوا وقالوا اتخذ الله ولدا/قالوا اتخذ الله ولدا	11 kalimah

		وما كنا/ما كنا وأن يظهر/أو أن يظهر	
2	<i>Hadhf dan ithbāt huruf al-jār</i>	والزير/وبالزير والكتاب/وبالكتاب تجري من تحتها/تجري تحتها سيقولون لله/سيقولون الله (2 tempat)	5 kalimah ⁹
3	<i>Hadf dan ithbāt atau perbezaan antara ḍamīr</i>	وما عملته/وما عملت أشد منهم/أشد منكم ما تشتهي/ما تشتهييه فإن الله هو الغني/فإن الله الغني خير منهما/خير منها وإذ أنجينكم/وإذ أنجينكم لئن أنجيتنا/لئن أنجينا	7 kalimah
4	<i>Hadhf dan ithbāt alif lām qamariyyah</i>	وللدار الآخرة/وللدار الآخرة	1 kalimah
5	perbezaan format <i>fi'l madi</i> kepada <i>fi'l amr</i>	قال كم/قل كم قَالَ إِنْ/قَالَ إِنْ قال ربي يعلم/قل ربي يعلم قل سبحان/قال سبحان	4 kalimah
6	Perbezaan <i>wazn al-fi'l</i>	نزل الملائكة/نزل الملائكة ووصى/وأوصى	2 kalimah
7	Perbezaan <i>fi'l</i>	يسيركم/ينشركم	1 kalimah

⁹ Kalimah “سيقولون لله/سيقولون الله” dikira dua kalimah

8	perbezaan <i>Izhār</i> dengan <i>idghām</i> huruf	تأمروني / تأمروني أو ليأتيني / أو ليأتيني مكني / مكني ما تذكرون / ما يتذكرون يرتد / يرتد	5 kalimah
9	perbezaan bentuk <i>maṣdar</i>	حسننا / إحسانا	1 kalimah
10	Perbezaan huruf yang mewakili harakat I'rab	ذو العصف / ذا العصف ذو الجلال / ذي الجلال وكلا وعد الله / وكل وعد الله شركاؤكم / شركائكم إلا قليل / إلا قليلا	5 kalimah
11	Perbezaan <i>hadhf</i> dan <i>ithbāt</i> huruf <i>alif al-jam'</i>	المنشآت / المنشآت	1 kalimah
12	Perbezaan <i>hadff</i> dan <i>ithbāt</i> huruf <i>al-sharṭ</i>	فيما كسبت / بما كسبت	1 kalimah
13	Kalimah yang tiada khilaf antara <i>maṣāhif uthmaniyyah</i>	بضنين وأكن	2 kalimah
14	Rasm yang membawa qiraat <i>shādhah</i>	والجار ذا القرني مصر	2 kalimah

RUJUKAN

- al-Dabba', A. M. (1999). *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- al-Dāni, A. A. (2010). *al-Muqni' fi Ma'rifati Marsum Masahif ahl al-Amsar*. Tahkik Nawrah binti Hasan al-Humaid. Makkah: Dar al-Tadmuriyyah.
- al-Hayani, U. A. (2015). Ittijahat al-Ulama fi Tawjih Zawahir al-Rasm al-Uthmani. *Majallah al-Jamiah al-Iraqiah*, 82-108.
- al-Mas'ul, A. a.-'. (2007). *Mu'jam Mustalah Ilm al-Qiraat al-Qur'aniyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.



al-Sa'idi, A. H. (2015). *al-Ta'lif fi Hija' al-Masahif "al-Rasm al-Uthmani" Mawariduha, Manahijuha, Asyharuha*. Madinah al-Munawwarah: Qassim University.

Ibn al-Jazari, M. b. (t.th). *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Kaherah: Matba'ah al-Tijariyah al-Kubra.

Karim, A. (2006). *al-Muthaf fi Rasm al-Mushaf*. Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath.

Nuwayr, Y. a.-S. (2016). Qawaid al-Rasm al-Uthmaniyy Wa Hikamihi. *Majallah al-Mizan al-Qanuniyyah*, 55-77.

Qadduri, G. (2012). *al-Muyassar fi Ilm al-Rasm wa Dabtihi*. Jedah: Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah bi Ma'had al-Imam al-Shatibiy.

Ṭala'at, A. M. (2006 cet. 2). *Safir al-'Alamin fi Idah wa Tahrir wa Tahbir Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-KItab al-Mubin*. Kaherah: Maktabah al-Imam al-Bukhari.